



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA GARIS PANDUAN KELULUSAN IKLAN UNTUK PAKEJ UMRAH ATAU ZIARAH

1) PENGENALAN

- 1.1. Garis panduan ini bertujuan untuk melengkapi peruntukan Akta Industri Pelancongan 1992 (*Akta 482*) dan Peraturan-peraturan Industri Pelancongan 1992 (Peniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembalaan) 1992.
- 1.2. Iklan termasuklah pernyataan lisan atau bertulis, melalui media cetak atau elektronik, yang dibuat berhubungan dengan tawaran pakej umrah atau ziarah.
- 1.3. Melainkan pengecualian seperti yang dinyatakan dalam seksyen 3.0, iklan hanya boleh diumumkan setelah mendapat kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan (Pesuruhjaya).
- 1.4. Pengendali pelancongan berlesen yang mengendalikan pakej umrah atau ziarah yang ingin mengiklankan pakej umrah atau ziarah perlu mendapat kelulusan Pesuruhjaya dan mematuhi semua panduan berkenaan iklan pakej umrah atau ziarah yang dikeluarkan oleh Kementerian.

2) PRINSIP AM

- 2.1. Tujuan garis panduan ini ialah untuk memberi maklumat kepada syarikat pengendali pelancongan berlesen bagi pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah mengenai peraturan yang mengawal iklan perkhidmatan pengendalian pakej umrah atau ziarah kepada orang ramai.
- 2.2. Maklumat yang terkandung dalam iklan mestilah fakta yang betul dan boleh disahkan. Ia **TIDAK BOLEH** keterlaluan, palsu, mengelirukan atau memperdayakan.
- 2.3. Kesahan dan ketepatan maklumat yang disampaikan dalam iklan hendaklah **boleh ditentusahkan** oleh Pesuruhjaya. Orang ramai tidak boleh dikelirukan untuk membuat tanggapan tidak tepat tentang keupayaan penyampaian dan perkhidmatan yang

ditawarkan oleh syarikat pengendali yang mengiklankan pakej umrah atau ziarah tersebut.

- 2.4. Maklumat yang diberikan dalam iklan hendaklah mematuhi garis panduan ini sepenuhnya.
- 2.5. Maklumat selain daripada maklumat menerangkan perjalanan di dalam pakej termasuklah sebarang fakta sejarah, impak dan hal-hal berkaitan agama sebaik-baiknya dilakukan melalui forum bersesuaian dan penerbitan lain untuk mengelakkan risiko penyebaran maklumat yang tidak tepat, tidak jelas dan bersangkutan dengan hukum hakam agama Islam.
- 2.6. Rencana atau artikel yang mengandungi elemen mengiklan perkhidmatan pakej umrah atau ziarah akan disifatkan sebagai promosi dan akan dikawal sedemikian.

3) PUNCA KUASA

Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482]

3.1. Seksyen 18, Akta 482

Suatu pengusahaan pelancongan berlesen tidak boleh menyiarkan, sama ada dalam akhbar, brosur atau selainnya, apa-apa iklan atau maklumat yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan perniagaan sesuatu pengusahaan pelancongan tanpa memasukkan—

- (a) nombor lesen;
- (b) nama perniagaan yang di bawahnya ia menjalankan perniagaan itu dan alamat di mana perniagaan sedemikian dijalankan; dan
- (c) apa-apa butir lain yang berhubungan dengan mana-mana perkhidmatan yang ditawarkan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pesuruhjaya.

3.2. Peraturan-peraturan Industri Pelancongan 1992 (Peniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembalaan) 1992

a) Peraturan 6 (1A)(a)

Pengendali pelancongan berlesen yang mengendalikan pakej umrah atau ziarah tidak boleh mengiklankan pakej yang ditawarkan tanpa kelulusan Pesuruhjaya.

b) **Peraturan 6 (1B)**

Tiap-tiap iklan yang diluluskan hendaklah menyatakan butir-butir pakej yang ditawarkan dengan jelas, termasuk-

- (a) Terma-terma dan syarat-syarat yang terpakai bagi pakej itu;
- (b) Tempoh umrah atau ziarah;
- (c) Bayaran; dan
- (d) Jadual perjalanan itu.

c) **Peraturan 6(1C)**

“iklan” termasuk penyataan lisan atau bertulis, melalui media cetak atau elektronik, yang dibuat berhubungan dengan tawaran pakej umrah atau ziarah;

4) PIHAK BERKUASA

- 4.1. Pesuruhjaya boleh, atas budi bicaranya, mengeluarkan atau tidak mengeluarkan apa-apa kelulusan iklan pakej umrah atau ziarah **ATAU** boleh membatalkan mana-mana kelulusan yang telah dikeluarkan.
- 4.2. Pindaan dalam Garis Panduan ini boleh dibuat oleh Pesuruhjaya, dari semasa ke semasa, tanpa memberi notis terlebih dahulu.

5) JENIS IKLAN YANG MEMERLUKAN KELULUSAN

Semua jenis iklan berbentuk lisan atau bertulis, melalui mana-mana jenis media berkenaan tawaran pakej umrah dan ziarah perlu mendapatkan kelulusan Pesuruhjaya.

6) SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

6.1 Kelayakan **WAJIB** pemohon:

- i. mempunyai lesen yang sah dan berkuatkuasa daripada Kementerian dengan bidang perniagaan pengendalian pelancongan ke luar negeri bagi umrah atau ziarah; dan
- ii. mempunyai lesen yang masih sah sekurang-kurangnya 180 hari dari tarikh tamat tempoh lesen pada tarikh permohonan lengkap diterima;

6.2 Mempunyai pakej umrah atau ziarah yang hendak diiklankan;

6.3 Mempunyai maklumat penerbangan berkaitan pakej umrah atau ziarah bagi tempoh masa perjalanan yang diiklankan; dan

6.4 Pemohon hendaklah bebas dari sebarang tindakan perundangan ke atas dirinya seperti kompaun, pendakwaan, gantung atau batal lesen di bawah Akta 482.

7) PERKARA WAJIB DINYATAKAN DALAM IKLAN

7.1 Maklumat perniagaan yang menawarkan perkhidmatan meliputi:

- i. nama dan alamat perniagaan;
- ii. nombor lesen;
- iii. nombor siri kelulusan pengiklanan;
- iv. terma dan syarat yang terpakai bagi pakej itu ATAU menyatakan laman web yang membolehkan pelanggan untuk membaca terma dan syarat dengan lebih lanjut;
- v. tempoh umrah dan ziarah;
- vi. bayaran (harga pakej) yang ditawarkan termasuk takaful umrah tiap-tiap jemaah untuk pakej umrah tersebut;
- vii. jadual perjalanan dan tempoh umrah / ziarah; dan
- viii. no. telefon yang boleh dihubungi

8) DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

Hanya Borang Permohonan Kelulusan Iklan Pakej Umrah Atau Ziarah seperti di **Lampiran A** yang perlu dikemukakan kepada Pesuruhjaya dan Pesuruhjaya berhak untuk memohon dari syarikat lain-lain dokumen yang diarahkan bagi permohonan meluluskan iklan.

9) TATACARA PERMOHONAN

Permohonan kelulusan iklan umrah dikemukakan oleh ibu pejabat syarikat dibuat melalui emel di **umrah@motac.gov.my**

10)PIAGAM KELULUSAN IKLAN

Ibu Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Putrajaya:

Keputusan permohonan kelulusan iklan pakej umrah atau ziarah akan dimaklumkan dalam **tempoh lima (5) hari bekerja** bagi **PERMOHONAN YANG LENGKAP** diterima dan diperaku. Kelulusan akan dimaklumkan melalui emel rasmi semasa permohonan.

Pemohon boleh merujuk carta alir kelulusan iklan seperti di **Lampiran B**.

11)KELULUSAN IKLAN

- 11.1 Setiap kelulusan iklan akan diberi suatu nombor kelulusan **UIxxxxx** dan hendaklah dicetak terus pada media iklan berkenaan kecuali radio.
- 11.2 Bagi mana-mana pembaharuan lesen pemohon perlu mengemukakan Borang Permohonan Kelulusan Iklan Pakej Umrah Atau Ziarah yang baharu kepada Pesuruhjaya untuk kelulusan.
- 11.3 Setiap kelulusan tertakluk kepada terma dan syarat yang boleh dikenakan oleh Pesuruhjaya. Pesuruhjaya boleh mengeluarkan atau enggan mengeluarkan apa-apa kelulusan atau boleh menggantung atau membatalkan mana-mana kelulusan yang telah dikeluarkan dahulu.

12)KESALAHAN MENGIKLANKAN PAKEJ UMRAH ATAU ZIARAH TANPA KELULUSAN

Mana-mana yang melanggar subperaturan (1), (1A) atau (1B) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah **Peraturan 6(1C)** (2) **Peraturan-peraturan Industri Pelancongan 1992 (Peniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) 1992** dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

13)TANGGUNGJAWAB PENGIKLANAN

Iklan hendaklah disediakan dengan tanggungjawab sosial yang tinggi terhadap pengguna dan masyarakat.

14)TARIKH KUATKUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 FEBRUARI 2022**.



**BAHAGIAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**
Aras 1, No.2 Menara 1, Jalan P5/6
Presint 5, 62200 PUTRAJAYA

BORANG PERMOHONAN KELULUSAN IKLAN PAKEJ UMRAH ATAU ZIARAH

- i) Nombor Lesen :
- ii) Terma dan Syarat :
.....
.....
(gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi)
- iii) Tempoh umrah dan ziarah :
- iv) Bayaran (Harga pakej) :
- v) Jadual untuk perjalanan :
.....
.....
(gunakan lampiran sekiranya ruang tidak mencukupi)
- vi) Bahasa yang digunakan :

Saya.....(Huruf Besar)
No. Kad Pengenalan.....mengesahkan bahawa semua maklumat diatas adalah benar.

Tandatangan

Nama Syarikat :
Alamat Syarikat :
No telefon dan emel :
Cop Syarikat :

Emelkan borang kepada umrah@motac.gov.my

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

1. Tarikh dokumen diterima :
2. Diluluskan/Tidak Diluluskan/Dibatalkan/Tidak Perlu Kelulusan pada

LAMPIRAN B

